



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL. 3 TAHUN 2020**

**TATACARA PERMOHONAN PROGRAM SUBSIDI UPAH (WAGE SUBSIDY)
SISTEM INSURANS PEKERJAAN PERKESO OLEH MAJIKAN BAGI BAYARAN
BULANAN RM600 BAGI SETIAP PEKERJA DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN
EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRE 2020)**

1. TUJUAN

Pekeling Majikan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kepada majikan berkenaan tatacara permohonan Program Subsidi Upah (Wage Subsidy) bayaran bulanan RM600 bagi tempoh 3 bulan bagi setiap pekerja tetapi terhad kepada 100 orang pekerja sahaja di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRE 2020).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Wage Subsidy di bawah PRE 2020 pada 27 Mac 2020. Kerajaan memperkenalkan Wage Subsidy adalah untuk membantu majikan mengekalkan pekerja.
- 2.2. Wage Subsidy adalah bantuan subsidi upah sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja untuk tempoh 3 bulan. Program ini dikhususkan kepada pekerja yang bergaji RM4,000 dan ke bawah serta majikan yang mengalami penurunan pendapatan atau jualan lebih 50% sejak 1 Januari 2020.
- 2.3. Program ini juga akan memastikan majikan tidak dibenarkan untuk membuang pekerja, memotong gaji sedia ada pekerja dan mengarahkan pekerja

mengambil cuti tanpa gaji bagi tempoh 3 bulan semasa dan selepas menerima Wage Subsidy.

- 2.4. Bantuan Wage Subsidy ini diharap dapat membantu majikan untuk meneruskan perniagaan mereka dengan menyokong aliran tunai serta mengekalkan pekerja mereka dalam tempoh keadaan luar jangka. Langkah Ini secara tidak langsung juga merupakan salah satu perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja bagi mengelakkan penganguran dan kehilangan sumber pendapatan kesan daripada Covid-19 bagi meneruskan kelangsungan kehidupan mereka dan keluarga.

3. LIPUTAN WAGE SUBSIDY

- 3.1. Program Wage Subsidy meliputi majikan sektor swasta yang mengalami penurunan pendapatan lebih 50% dengan membandingkan jumlah jualan pada bulan Januari 2020 dengan bulan – bulan berikutnya.
- 3.2. Tuntutan Wage Subsidy sebanyak RM600 sebulan selama 3 bulan bagi setiap pekerja adalah terhad kepada 100 orang pekerja sahaja bagi setiap majikan.
- 3.3. Majikan yang mempunyai pekerja yang bergaji bulanan sebanyak RM4,000 dan ke bawah dan telah berdaftar atau mencarum dengan SIP.
- 3.4. Majikan tidak boleh membuang sebarang pekerja yang bergaji RM4,000 dan ke bawah, memotong gaji sedia ada pekerja dan mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji bagi tempoh 3 bulan semasa dan selepas menerima Wage Subsidy.
- 3.5. Manakala, program ini tidak meliputi pekerja yang telah diberhentikan kerja, pekerja sektor awam dan badan berkanun, mereka yang bekerja sendiri (tidak mempunyai majikan) termasuk *freelancers*, pekerja asing dan pegawai dagang.

Syarat Kelayakan Bayaran dan Tempoh Layak

- 3.6. Permohonan Wage Subsidy yang telah diluluskan oleh PERKESO layak menerima sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja yang bergaji RM4,000 dan ke bawah untuk tempoh maksimum 3 bulan yang dibayar kepada majikan dan terhad kepada 100 orang pekerja sahaja.
- 3.7. Majikan tidak boleh membuang sebarang pekerja yang berpendapatan di bawah RM4,000 sebulan atau mengarahkan mereka mengambil cuti tanpa gaji atau memotong gaji pekerja sedia ada bagi tempoh semasa menerima Wage Subsidy dan untuk 3 bulan selepasnya.
- 3.8. Majikan hendaklah membuat akuan pengisytiharan pendapatan atau jualan semasa permohonan pertama dan memaklumkan sebarang perubahan keuntungan perniagaan, bilangan pekerja, status perniagaan atau apa-apa yang berkaitan sekiranya ada bagi setiap bulan berikutnya.
- 3.9. Majikan adalah bertanggungjawab membayar gaji pekerja dan membuat akuan pengisytiharan bahawa gaji sebenar pekerja telah dibayar setiap bulan mulai tarikh permohonan Wage Subsidy kepada PERKESO.
- 3.10. Majikan hendaklah membayar caruman SIP PERKESO seperti biasa semasa dan selepas menerima Wage Subsidy sebagaimana gaji sebenar pekerja dibayar pada setiap bulan.
- 3.11. Tertakluk kepada perenggan 3.7, majikan yang sebelumnya melaksanakan langkah mengurangkan tenaga kerja atau cuti tanpa gaji atau pemotongan gaji boleh memohon untuk Wage Subsidy tertakluk kepada memenuhi syarat – syarat lain dibawah Wage Subsidy.
- 3.12. Majikan yang memenuhi Wage Subsidy walaupun telah diluluskan di bawah Employment Retention Program (ERP) sebelum ini boleh memohon Wage Subsidy tertakluk kepada syarat kelayakan Wage Subsidy. Di samping itu,

permohonan ERP tidak boleh dipertimbangkan untuk pekerja yang diarahkan oleh majikan untuk bercuti tanpa gaji akoran dari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP/MCO).

Tatacara Permohonan

- 3.13. Majikan hendaklah mengemukakan permohonan Wage Subsidy di capaian laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my
- 3.14. Majikan hendaklah memuat turun **Akuan Pengisytiharan PSU50** untuk dilengkapkan sebelum dimuat naik di laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my beserta dokumen-dokumen berikut:
 - i. **Lampiran 1** senarai maklumat pekerja (terhad 100 orang sahaja) – hendaklah menggunakan format Microsoft Excel yang disediakan (**format selain Microsoft Excel adalah tidak diterima**)
 - ii. Maklumat Akaun Bank Majikan (muka depan sahaja)
 - iii. Salinan pengenalan pendaftaran bank panel majikan/MyCOID
 - iv. Salinan pendaftaran SSM/ROS/ROB
 - v. Akuan Pengisytiharan PSU50 (beserta Penyata Kewangan/Laporan Jualan)
- 3.15. Majikan hendaklah membuat pengisytiharan pendapatan atau jualan semasa permohonan pertama dan memaklumkan sebarang perubahan keuntungan perniagaan, bilangan pekerja, status perniagaan, atau apa – apa yang berkaitan sekiranya ada bagi setiap bulan berikutnya.
- 3.16. Kegagalan majikan mengisytiharkan perubahan seperti di perenggan 3.15 akan dikenakan tindakan undang – undang.

4. PEMAKAIAN

Pengemukaan permohonan Wage Subsidy boleh dilaksanakan secara online di capaian laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my mulai **1 April 2020**.


5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan di talian **1-300 -22-8000** atau melalui emel **perkeso@perkeso.gov.my**.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Majikan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 April 2020, dan tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 1 April 2020